

## **Terma & Syarat Program Beyond Solid Gold**

### **Butiran Program**

Program Beyond Solid Gold Young Living Malaysia ("Program") diaturkan oleh Young Living Malaysia Sdn. Bhd. yang beroperasi di GF & L1, Tower 7, Avenue 3, Bangsar South, No.8 Jalan Kerinchi, 59200, Kuala Lumpur, Malaysia ("Young Living"). Program bermula pada 1 Julai 2021, 12.01 tengah malam waktu Malaysia dan berakhir pada 30 Jun 2022, pada jam 11.59 malam waktu Malaysia ("Tempoh Program"). Kaedah Young Living dalam penjagaan masa merupakan jam masa rasmi untuk Program dan ia adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan. Dengan menyertai Program, setiap peserta bersetuju untuk mematuhi dan terikat kepada terma dan syarat ini. Peserta juga bersetuju untuk mematuhi dan terikat kepada semua keputusan Young Living yang muktamad, tanpa hak rayuan, dalam semua urusan berkaitan Program dan ganjaran, termasuk tanpa had, kelayakan dan/atau kehilangan kelayakan penyertaan.

### **Kelayakan**

Program ini terbuka kepada semua ahli yang tidak pernah mencapai pangkat Gold sebelum 1 Julai 2021. Peserta perlu mencapai pangkat Gold DAN mengekalkan pangkat tersebut selama 3 bulan berturut-turut, iaitu bulan mencapai pangkat dan 2 bulan berikutnya. Ahli yang mencapai pangkat Gold selepas 1 Julai 2021 tetapi tidak mengekalkan pangkat tersebut selama 3 bulan berturut-turut, iaitu bulan mencapai pangkat dan 2 bulan berikutnya perlu mencapai semula pangkat berbayar Gold aktif dan mengekalkan pangkat tersebut selama 3 bulan berturut-turut, iaitu bulan mencapai pangkat dan 2 bulan berikutnya.

### **Cara Mendapatkan Ganjaran**

Semasa Tempoh Program, peserta mendapat ganjaran melalui pencapaian pangkat Gold dan pengekalan pangkat tersebut selama 3 bulan berturut-turut, iaitu bulan mencapai pangkat dan 2 bulan berikutnya. Ahli layak Gold mesti membuat pesanan Essential Rewards ("ER") mereka pada bulan ke-4 selepas berjaya mengekalkan pangkat tersebut selama 3 bulan berturut-turut, iaitu bulan mencapai pangkat dan 2 bulan berikutnya.

### **Ganjaran**

Ahi yang mencapai pangkat Gold DAN berjaya mengekalkan pangkat tersebut selama 3 bulan berturut-turut, iaitu bulan mencapai pangkat dan 2 bulan berikutnya akan diberikan 1 Set Hadiah Bonus Gold percuma. Set Hadiah Bonus Gold termasuklah 1 Minyak Pati Rose (5ml), 1 Minyak Pati Melissa (5ml), 1 Minyak Pati Blue Tansy (5ml), 1 Minyak Pati Sacred Sandalwood (5ml), dan 1 Minyak Pati Jasmine (5ml). Ahli layak akan menerima Set Hadiah Bonus Gold pada bulan ke-4 jika satu pesanan ER dipenuhi pada bulan yang disebutkan. Anggaran Nilai Runcit ("ARV") Set Hadiah Bonus Gold: RM 2,800.00

## **Syarat-syarat Umum Ganjaran**

Young Living tidak bertanggungjawab, dan peserta tidak akan menerima, perbezaan, jika terdapat, antara nilai semasa ganjaran pada waktu ganjaran dan ARV yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini atau dalam mana-mana bahan promosi atau surat menyurat yang berkaitan. Dalam situasi di mana tidak terdapat ahli layak yang mencukupi untuk diberikan semua ganjaran, Young Living berhak untuk memberikan bilangan ganjaran mengikut ahli layak yang ada. Sebarang ganjaran yang tidak diberikan selepas Tempoh Program akan kekal tidak diberikan. Kekangan atau syarat yang ditetapkan di dalam ini adalah tidak merangkumi semua. Ganjaran tidak boleh dipindahkan dan tidak boleh ditebus untuk wang tunai atau kredit produk, kecuali hanya Young Living berhak, dengan budi bicara tunggalnya, untuk menggantikan ganjaran (atau sebahagian daripadanya) dengan nilai yang sama atau lebih besar jika ganjaran tidak boleh ditawarkan seperti yang digambarkan atas sebarang sebab. Ganjaran ditawarkan "SEADANYA" dan TANPA SEBARANG JENIS WARANTI, menyatakan atau menandakan, termasuk, tanpa had, apa-apa waranti yang menandakan kebolehdagangan atau kesesuaian bagi sesuatu tujuan yang tertentu. Peserta bertanggungjawab ke atas semua cukai persekutuan, negeri dan tempatan (termasuk cukai pendapatan dan penangguhan), jika ada, serta sebarang kos dan perbelanjaan lain berkaitan penerimaan dan penggunaan ganjaran yang tidak dikhususkan di sini sebagai disediakan, tanpa mengambil kira sama ada ganjaran itu digunakan secara keseluruhan atau sebahagian.

Semasa Tempoh Program, peserta boleh diaudit dari semasa ke semasa untuk memantau pematuhan Dasar dan Tatacara Young Living yang terpakai pada bidang kuasa Peserta (Dasar dan Tatacara Young Living), termasuk tetapi tidak terhad kepada, seksyen berkaitan pengiklanan dan promosi. Sebarang pelanggaran terhadap Dasar dan Tatacara Young Living akan membatalkan peserta daripada keseluruhan Program. Young Living berhak untuk mengubah mekanisme atau kriteria ganjaran dalam Tempoh Program dan memilih peserta layak selepas keputusan pengauditan.

## **Penerimaan Makluman/Ganjaran**

Peserta yang layak menerima ganjaran akan dimaklumkan menerusi alamat e-mel pada fail. E-mel ini akan mengandungi butiran ganjaran dan pemberian ganjaran.

## **Pembatalan dan Pemulangan; Force Majeure**

Young Living tidak akan bertanggungjawab jika berlakunya pembatalan Program atau jika penghantaran ganjaran terhalang, tertangguh disebabkan sebarang keadaan di luar kawalan Young Living, termasuklah tetapi tidak terhad kepada, bencana alam, mogok, piket, boikot, kebakaran, banjir, kemalangan, amaran kesihatan global, pandemik, wabak, perperangan (sama ada diisyithar atau tidak), revolusi, rusuhan, pemberontakan, kuasa Tuhan, kuasa kerajaan (termasuk, tanpa had, mana-mana agensi atau jabatan Amerika Syarikat dan pihak berkuasa tempatan), kuasa musuh awam, kekurangan atau pencatuan gasolin atau bahan api atau produk penting yang lain, ketidakupayaan untuk mendapatkan bahan atau tenaga buruh, atau sebab-sebab lain di luar kawalan Young Living. Young Living, dengan budi bicara tunggalnya, boleh menggantikan ganjaran tersebut dengan ganjaran tunai sama nilai.

## **Pemberian Kuasa**

Young Living dan ejennya yang sah akan mengumpul, menggunakan, dan mendedahkan maklumat peribadi yang anda berikan semasa anda menyertai Program bagi tujuan melaksanakan Program dan pemenuhan ganjaran. Dengan menyertai Program dan menerima ganjaran, setiap peserta telah memberi izin untuk penggunaan nama, alamat (bandar dan negeri/daerah tempat tinggal), suara, dan kenyataan mereka yang berkaitan dengan Program dan Young Living, serta gambar atau apa-apa yang seumpamanya, tanpa pampasan, pemberitahuan atau keizinan selanjutnya dalam mana-mana publisiti atau pengiklanan yang dijalankan oleh Young Living atau mana-mana entiti berkaitan dalam sebarang media tanpa had kawasan atau masa, kecuali yang tidak dibenarkan oleh undang-undang.

## **Pembatasan Liabiliti**

Young Living dan gabungan, anak syarikat atau syarikat induk, tidak akan bertanggungjawab atas sebarang ketidakstesenian maklumat yang mungkin digunakan dalam Program, atas sebarang kesilapan teknikal atau manusia yang mungkin berlaku semasa memproses pendaftaran, termasuk data yang dimasukkan oleh peserta, sebarang kesilapan penyertaan seperti kegagalan teknikal yang berkaitan dengan komputer, telefon, kabel dan gangguan hubungan jaringan atau pelayan; kegagalan teknikal yang berkaitan, atau kegagalan lain yang berkaitan dengan perkakas, perisian atau virus; atau pendaftaran yang tidak lengkap, lambat atau tersalah arah. Sebarang kompromi untuk pengendalian yang adil dan sewajarnya bagi Program berkaitan dengan virus komputer atau jenis kerosakan teknikal yang sama yang mungkin memberi kesan kepada keadilan, keselamatan dan pentadbiran yang sewajarnya terhadap Program tersebut boleh mengakibatkan pembatalan, pembetulan atau perubahan pada Program atau sebahagian daripadanya atas budi bicara Young Living. Young Living berhak, atas budi bicaranya, untuk menjadikan pendaftaran peserta tidak sah, di mana Young Living percaya peserta tersebut telah cuba untuk mengubah atau merosakkan pentadbiran, keselamatan, keadilan atau pengendalian yang sewajarnya pada Program atau peserta yang tidak bertindak dengan kelakuan baik atau yang mempunyai niat untuk mengugut atau mengganggu individu lain.

Dengan menyertai Program, peserta telah mengenepikan semua hak untuk menuntut kerosakan punitif, berkaitan dan berbangkit, bayaran guaman, atau apa-apa kerosakan selain daripada kos atau kerugian yang mungkin terjadi semasa penyertaan dalam Program, penerimaan, pemilikan dan penggunaan sebarang ganjaran.

Peserta hendaklah membela, melindungi, dan tidak memudaratkan Young Living daripada sebarang tindakan, tindakan guaman, kerosakan, kos, atau perbelanjaan (termasuk bayaran wakil yang munasabah) yang terjadi akibat daripada atau dalam hubungan dengan mana-mana dakwaan yang maklumat atau bahan diberikan kepada Young Living yang berikut yang mencabuli mana-mana hak cipta, tanda dagangan, rekaan industri, paten atau mana-mana hak harta intelek yang lain yang dimiliki mana-mana pihak ketiga.

Semua tindakan disebabkan atau berkaitan Program atau mana-mana ganjaran hendaklah diselesaikan secara individu, tanpa menggunakan sebarang bentuk tindakan satu pihak. Sesetengah bidang kuasa mungkin tidak membenarkan pembatasan kerosakan atau pembatasan menuntut kerosakan menerusi tindakan satu pihak, oleh itu sesetengah halangan ini mungkin tidak terpakai.

## **Peraturan dan Undang-Undang Lain**

Setiap peserta bertanggungjawab ke atas semua cukai yang boleh dikenakan ke atas ganjarannya, sama ada ganjaran itu digunakan atau tidak, melainkan dia enggan menerima ganjaran tersebut semasa diberikan. Di mana terpakai, peserta akan mendapat nilai pasaran saksama untuk ganjaran yang diterima dilaporkan dalam borang cukai terpakai. Jika aspek tertentu ganjaran tersebut berubah dan berada di luar kawalan Young Living, atau atas sebarang sebab, semua atau sebahagian ganjaran menjadi tidak boleh didapati, Young Living tidak akan dipertanggungjawab atau bertanggungjawab ke atas sebarang perubahan yang seumpamanya, dan Young Living berhak untuk menggantikan suatu ganjaran kepada ganjaran yang mempunyai nilai yang sama atau lebih tinggi, atas budi bicara Young Living sepenuhnya. Pemindahan suatu ganjaran kepada pihak ketiga tidak dibenarkan. Dengan menerima ganjaran tersebut, peserta bersetuju bahawa Young Living tidak seharusnya dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kecederaan, kerosakan, atau kerugian dalam apa-apa bentuk yang diakibatkan oleh atau berkaitan dengan pemberian, penerimaan, pemilikan, atau penggunaan ganjaran tersebut atau mana-mana aspek atau sebahagian daripadanya.

Young Living akan menjadi pemutus terakhir bagi semua tafsiran terma dan syarat serta penentuan kelayakan, dan keputusan sedemikian adalah muktamad. Di mana terpakai, ganjaran akan dilaporkan sebagai pendapatan pada borang cukai tahunan peserta. Peserta ganjaran akan bertanggungjawab untuk membayar semua cukai untuk sebarang ganjaran dan/atau geran atau subsidi-subsidi yang diberikan Young Living. Young Living berhak untuk menggantung atau memberhentikan Program, tanpa notis, atas sebarang sebab yang dirasakan perlu, atas budi bicaranya. Pekerja Young Living dan entiti berkaitan dan pasangan mereka dan ahli keluarga terdekat tidak layak menyertai Program. Program ini tidak sah di mana terlarang oleh undang-undang.

Dengan menyertai Program, peserta: (i) bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat ini termasuk semua syarat kelayakan, (ii) memberi jaminan bahawa sebarang maklumat yang peserta berikan berkaitan Program ini adalah benar dan tepat, dan (iii) bersetuju untuk tertakluk pada keputusan yang dibuat oleh Young Living, yang merupakan muktamad dan terikat dalam semua hal yang berkaitan dengan Program, dan (iv) bersetuju dan memberi kebenaran untuk pengumpulan, penggunaan, dan pemprosesan data peribadi mereka tertakluk kepada undang-undang terpakai yang selari dengan terma dan syarat yang terkandung di dalam ini. Peserta yang tidak mematuhi terma dan syarat Program dan Dasar dan Tatacara Young Living akan disingkirkan.

Program ini tertakluk kepada semua undang-undang yang terpakai di Malaysia. Semua isu dan soalan berkaitan struktur, pengesahan, tafsiran dan penguatkuasaan terma dan syarat Program, atau hak dan tanggungjawab peserta dan Young Living berhubung dengan Program, perlu diambil tindakan dan ditafsir berdasarkan perundangan penting mahkamah Malaysia tanpa mengambil kira konflik prinsip undang-undang. Semua peserta bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa mahkamah Malaysia.

Jika berlakunya apa-apa konflik dengan mana-mana butiran Program yang terkandung dalam terma dan syarat ini dan butiran program yang terkandung dalam bahan promosi yang lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tahap penjualan, pengiklanan atas talian atau bercetak), butiran Program yang tercatat dalam terma dan syarat ini akan diutamakan.

Kegagalan atau keputusan Young Living untuk tidak menguatkuasakan apa-apa peruntukan dalam terma dan syarat ini tidak akan mengenepikan peruntukan tersebut atau mana-mana peruntukan yang lain. Jika

sebarang peruntukan ditentukan menjadi tidak sah ataupun tidak boleh dikuatkuasakan atau haram, terma dan syarat ini akan walaubagaimanapun kekal berkuat kuasa dan harus ditafsir mengikut terma mereka seolah-olah peruntukan yang tidak sah atau haram itu tidak terkandung di sini. Sekiranya terdapat apa-apa konflik, percanggahan atau tidak konsisten antara versi bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa Cina, versi bahasa Inggeris bagi terma dan syarat ini hendaklah diutamakan.

### **SOALAN LAZIM (FAQ)**

**S1: Adakah Program ini layak untuk ahli yang telah mencapai pangkat tertinggi setakat Gold, tetapi kini tidak diiktiraf sebagai pemimpin berpangkat Gold kerana tidak mencapai syarat Pengiktirafan dalam mengekalkan pangkat tersebut sekali dalam tempoh enam (6) bulan?**

J: Tidak. Hanya ahli yang tidak pernah mencapai pangkat Gold sebelum 1 Julai 2021 sahaja layak menyertai Program ini. Ahli yang mencapai pangkat Gold semula tidak layak.

**S2: Jika seorang ahli baru sahaja mencapai pangkat Gold selepas 1 Julai 2021 tetapi tidak mengekalkan pangkat tersebut untuk 3 bulan berturut-turut, adakah ahli tersebut masih layak jika dia kembali layak atau kembali menjadi ahli berpangkat Gold?**

J: Ya. Dengan syarat ahli tersebut mengekalkan 3 bulan berturut-turut, iaitu bulan mencapai pangkat dan 2 bulan berikutnya, sebagai ahli berpangkat Gold.

**S3: Jika saya mencapai pangkat Gold pada Julai 2021, tetapi mencapai pangkat Platinum pada bulan kemudiannya, adakah saya layak menyertai Program ini?**

J: Ya. Pencapaian ahli mencapai pangkat Gold selepas 1 Julai 2021 dan mara ke pangkat seterusnya semasa bulan pengekalan, masih layak selagi bulan kenaikan pangkat baharu dan 2 bulan berikutnya adalah tidak lebih rendah daripada Gold.

**S4: Jika saya mencapai pangkat Gold pada bulan Julai 2021, dan jatuh ke pangkat di bawah Gold pada bulan berikutnya, tetapi berjaya mencapai Platinum pada bulan berikutnya. Patutkah saya mengekalkan 3 bulan berturut-turut sebagai Gold atau Platinum?**

J: Dalam senario ini, selagi pengekalan 3 bulan berturut-turut tersebut, iaitu bulan mencapai pangkat Platinum dan 2 bulan berikutnya, tidak lebih rendah daripada Gold.